

BENTUK MASA DEPAN PELABURAN ANDA DENGAN GABUNGAN SEMPURNA

Dana MAMG Alpha Capital & Income Opportunities



Humanising
Financial Services



Maybank

Asset Management

Masa depan kewangan paling cerah jarang dibentuk Masa depan kewangan yang paling cerah jarang dibentuk dengan tersendiri. Memperkenalkan **Dana MAMG Alpha Capital & Income Opportunities** ("Dana"), yang melabur dalam **Strategi Aktif Fidelity – Dana Maybank Alpha Capital & Income Opportunities** ("Dana Sasaran"), dibentuk oleh Maybank dan Fidelity International.

Ciri-Ciri Utama Dana



Penyelesaian yang dicipta eksklusif untuk Maybank

Manfaatkan kepakaran dan sumber pelaburan global Fidelity.

Menggabungkan matlamat jangka panjang dan jangka pendek

Peruntukan aset strategik disepadukan bersama peruntukan aset taktikal dalam satu strategi.

Pelaburan oportunistik untuk modal dan pendapatan

Pendekatan pulangan keseluruhan yang bertujuan untuk memberikan agihan pendapatan sebanyak 6% setahun dengan pilihan untuk menerima tunai atau melabur semula.

01

Penyelesaian yang dicipta eksklusif untuk Maybank

Dikuasakan oleh pasukan berbilang aset global Fidelity

Dana Sasaran disokong oleh tiga Pengurus Portfolio bersama yang berpengkalan di Hong Kong, London dan Singapura

US\$57 billion*

jumlah aset

Proses pelaburan berdisiplin berdasarkan pasukan, direka dengan fleksibiliti untuk mencipta nilai

Menguruskan mandat pelbagai aset sejak 1980-an

Bekerja dengan pelanggan atas dasar nasihat atau budi bicara mengikut keperluan mereka

Fidelity International: Mendalam, Meluas dan Berhubung

US\$776.2 billion jumlah aset
400+ profesional pelaburan



*Setakat 31 Mac 2024.

Sumber: Fidelity International, data pada 31 Disember 2023. Data jumlah aset tidak diaudit, angka aset dibundarkan kepada US\$ bilion terdekat (termasuk aset di bawah pengurusan dan aset di bawah pentadbiran).

02 Menggabungkan matlamat jangka panjang dan jangka pendek Gabungan sempurna untuk peruntukan aset taktikal dan strategik

Dana Sasaran diuruskan oleh Fidelity, eksklusif untuk Maybank. Strategi ini merujuk kepada matlamat peruntukan aset strategik jangka panjang sebagaimana diterbitkan oleh pejabat Ketua Pegawai Pelaburan Group Wealth Management.

Ia bertujuan untuk menguruskan risiko penurunan sambil merebut peluang yang terhasil daripada setiap kitaran, menggunakan pendekatan pulangan menyeluruh dan peruntukan aset taktikal.

Peruntukan aset strategik

Membentuk visi jangka panjang

- Menggabungkan jangkaan pulangan jangka panjang dalam peruntukan merentasi pelbagai kelas aset (contoh; ekuiti, bon, alternatif)
- Berusaha membina portfolio kepelbagaiannya yang mengoptimumkan risiko dan pulangan dalam jangka lebih panjang

Peruntukan Aset Taktikal

Untuk butiran lebih terperinci

- Pelarasan taktikal untuk meningkatkan pulangan dan menguruskan risiko negatif
- Memanfaatkan penunjuk utama proprietari Fidelity dan wawasan penyelidikan untuk berada di posisi hadapan dalam pasaran

03 Pelaburan oportunistik untuk modal dan pendapatan Gabungan fleksibel untuk matlamat pelaburan berbeza

Pendekatan pulangan penuh penuh bagi Dana ini bertujuan bertujuan untuk menjana pendapatan terbaik dan peluang pertumbuhan modal merentasi pelbagai bentuk pelaburan. Ia juga ditawarkan dalam dua kelas saham untuk matlamat pelaburan yang berbeza.



Pertumbuhan Pengumpulan

Manfaatkan kuasa pengkompaunan untuk menjamin masa depan kewangan anda



Mampan Pengagihan

Berusaha mencapai sasaran pengagihan tunai 6% setahun. (dibayar setiap bulan) untuk menambah aliran tunai bulanan anda

Data Utama Dana

Nama Dana	Dana MAMG Alpha Capital & Income Opportunities												
Pengurus	Maybank Asset Management Sdn Bhd ("MAM" atau "Pengurus")												
Tarikh Pelancaran	26 November 2024												
Kategori Dana	Dana Pengantara (Runcit)	Jenis Dana		Pendapatan & Pertumbuhan									
Akhir Tahun Kewangan	31 March												
Nama Dana Sasaran	Strategi Aktif Fidelity – Dana Maybank Alpha Capital & Income Opportunities	Mata Wang Asas Dana Pengantara		USD									
Syarikat Pengurusan Dana Sasaran	FIL Investment Management (Luxembourg) S.A.												
Pemegang Amanah	TMF Trustees Malaysia Berhad												
Kelas	Kelas MYR (Pengumpulan)	Kelas MYR (Pengagihan)	Kelas MYR (Lindung Nilai) (Pengumpulan)	Kelas MYR (Lindung Nilai) (Pengagihan)	Kelas USD (Pengumpulan)	Kelas USD (Pengagihan)							
Harga Tawaran Permulaan	RM 0.50			USD 0.50									
Pelaburan Permulaan Minimum *	RM 1,000			USD 1,000									
Pelaburan Tambahan Minimum *	RM 100			USD 100									
Objektif Pelaburan	Dana ini bertujuan untuk menjana pendapatan dan pertumbuhan modal dengan melabur dalam Dana Sasaran.												
Polisi & Strategi Pelaburan	Dana ini berusaha mencapai objektif pelaburannya dengan melabur sekurang-kurangnya 90% daripada NAV dalam Class Y-MINCOME(G)-USD Dana Sasaran. Dana Sasaran adalah dana yang diuruskan oleh FIL Investment Management Limited, yang diwakilkan oleh Management Company. Dana Sasaran dilancarkan pada 3 Jun 2024 dan berdomisili di Luxembourg. Dana Sasaran adalah sub-dana kepada SICAV.												
Penanda Aras Prestasi	Dana ini tidak mempunyai penanda aras prestasi kerana Dana Sasaran diuruskan secara aktif tanpa merujuk kepada sebarang penanda aras tertentu.												
Peruntukan Aset	Jenis Aset		% daripada NAV										
	Dana Sasaran		Min. 90% daripada NAV Dana										
	Aset Cair		Sehingga 10% daripada NAV Dana										
	Aset cair terdiri daripada deposit dengan institusi kewangan dan instrumen pasaran wang.												
Profil Pelabur	Dana ini sesuai untuk Pelabur yang: • Mempunyai horizon pelaburan jangka sederhana hingga panjang; • Sanggup bertoleransi dengan risiko berkaitan pelaburan dalam Dana Sasaran; dan • Mencari pendedahan kepada pasaran global.												
Polisi Pengagihan	Kelas MYR (Pengumpulan), Kelas MYR (Lindung Nilai) (Pengumpulan) dan Kelas USD (Pengumpulan) Dana tidak dijangkakan untuk mengagih pendapatan bagi Kelas ini.												
	Kelas MYR (Pengagihan), Kelas MYR (Lindung Nilai) (Pengagihan) dan Kelas USD (Pengagihan) Pengagihan akan dibuat pada setiap suku tahun atau pada kekerapan lain yang diputuskan oleh Pengurus mengikut budi bicara mutlak.												
Kaedah Pengagihan	Untuk Kelas MYR (Pengagihan), Kelas MYR (Lindung Nilai) (Pengagihan) dan Kelas USD (Pengagihan) sahaja Anda boleh memilih untuk menerima bayaran pendapatan melalui kaedah pembayaran tunai atau kaedah pelaburan semula.												
	Jika anda tidak memilih kaedah pengagihan, semua pengagihan pendapatan akan dilaburkan semula secara automatik ke dalam Unit tambahan dalam Dana.												
Caj Jualan**	Sehingga 5.00% daripada NAV setiap Unit												
Yuran Pengurusan Tahunan	1.00% setahun daripada NAV setiap Kelas***												
Yuran Pemegang Amanah	0.04% setahun daripada NAV Dana (tidak termasuk caj dan yuran penjaga asing)												
Pegangan Unit Minimum*	1,000 Unit												
Penebusan Minimum Unit*	Tiada, dengan syarat kelayakan pegangan Unit minimum dipenuhi.												
Bayaran Penebusan Unit	Dalam tempoh lima (5) Hari Bekerja bermula dari tarikh resit proses penebusan Dana daripada Dana Sasaran, iaitu dalam tempoh sembilan (9) Hari Bekerja dari tarikh permohonan penebusan diterima oleh Pengurus.												
Tempoh Bertenang	Tempoh bertenang adalah selama enam (6) Hari Bekerja bermula dari tarikh permohonan untuk Unit diterima oleh Pengurus.												

* Atau bilangan Unit atau jumlah lain yang lebih rendah seperti yang ditentukan oleh MAM dari semasa ke semasa. Pengedar Pengurus boleh menetapkan pelaburan permulaan minimum dan/atau pelaburan tambahan minimum yang lebih rendah daripada di atas bagi pelaburan yang dibuat melalui pengedar tertakluk kepada terma dan syarat pelaburan mereka.

** Pelabur boleh berundung untuk caj jualan yang lebih rendah. Pengurus berhak mengetepikan atau mengurangkan caj jualan. Semua caj jualan akan dibundarkan kepada dua (2) tempat perpuluhan dan akan disimpan oleh Pengurus. Tiada caj jualan untuk melabur dalam Dana Sasaran. Oleh itu, caj jualan akan dikenakan di peringkat Dana sahaja.

***Dana Sasaran mengenakan bayaran sehingga 0.60% setahun daripada nilai aset bersih kelas saham yang berkenaan dan yuran tersebut ditanggung oleh pemegang unit Dana.

Penafian: Risalah ini adalah penerangan ringkas mengenai Dana dan tidak menyeluruh. Para pelabur dinasihatkan untuk meminta, membaca dan memahami Prospektus sebelum membuat keputusan untuk melabur. Prospektus untuk Dana MAMG Alpha Capital & Income Opportunities bertarikh 26 November 2024 dan tambahannya jika ada ("Prospektus") telah diserah simpan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"), yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungannya. Salinan Prospektus boleh didapat di pejabat kami atau cawangan pengedar kami. Para pelabur sekali lagi dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus sebelum melabur. Antara lain, pelabur harus mengambil kira yuran dan caj yang terlibat. Harga unit dan pengagihan yang perlu dibayar, jika ada, mungkin turun dan juga naik. Prestasi masa lalu Dana tidak boleh dianggap sebagai petunjuk prestasi masa depan. Kelulusan atau kebenaran SC, atau pendaftaran, penyimpanan atau penyerahan Prospektus tidak menunjukkan bahawa SC telah mengesyorkan atau mengesahkan Dana atau periklanan, malahupun menyemak risalah ini.

Untuk maklumat lanjut tentang Dana MAMG Alpha Capital & Income Opportunities, sila hubungi Pengurus Perhubungan anda atau Pasukan Khidmat Pelanggan Pengurusan Aset Maybank di **+603 2297 7888** atau layari www.maybank-am.com.my

Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat: 199701006283 (421779-M))

Level 12, Tower C, Dataran Maybank, No. 1 Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur Malaysia.

Telefon +603 2297 7888 Faksimili +603 2715 0071 www.maybank-am.com.my